

# PERANCANGAN KEWANGAN NAQLI DAN AQLI

SIRI 19

DALAM siri yang lepas, saya telah membuka topik perbincangan tentang pelaburan. Persoalannya berapa ramai yang sudah mula berjinak dengan pelaburan? Apa yang dimaksudkan dengan pelaburan ini bukan hanya simpanan tunai anda di bank atau simpanan tunai anda di dalam tabung walaupun untuk menjadi seorang pelabur, anda perlu menjadi seorang penyimpan dahulu seperti yang telah diutarakan dalam beberapa artikel yang lepas.

Saya juga ada mengupas tentang perbezaan tentang pendapatan aktif, pasif dan portfolio. Kebanyakan orang memulakan hidup mereka dengan membuat pendapatan biasa sebagai pekerja. Jalan untuk membina kekayaan bermula dengan menukarkan pendapatan yang diperolehi ke dalam jenis pendapatan pasif dan portfolio sebaik mungkin.



JALAN UNTUK  
MEMBINA  
KEKAYAAN  
BERMULA  
DENGAN  
MENUKARKAN  
PENDAPATAN  
YANG DIPEROLEHI  
KE DALAM JENIS  
PENDAPATAN  
PASIF DAN  
PORTFOLIO  
SEBAIK MUNGKIN

Tekniknya adalah sangat mudah tetapi amat sukar untuk dilakukan. Apa yang perlu dilakukan ialah dengan menyimpan sebahagian pendapatan yang diperolehi daripada pekerjaan anda untuk dijadikan

modal p  
wang un  
mengen  
agar wa  
bukanny

Pela  
seperti s  
saham a  
member  
bentuk a  
dalam p  
keluar d  
tentang  
amat per  
bekerja  
pelabur  
untuk m  
pula me  
mereka  
orang la  
dan akhi  
pelabur  
mereka

Di si  
member  
untuk be  
memaks  
kita den  
positif. B  
pasti alir  
mempela



modal pelaburan dan labur sebahagian wang untuk mendapatkan pendidikan mengenai jenis-jenis pelaburan tertentu agar wang akan bekerja untuk kita dan bukannya kita bekerja untuk wang.

Pelaburan yang akan anda ceburi seperti saham, bon, hartanah, komoditi, saham amanah dan pelbagai lagi, perlu memberikan anda pulangan dalam bentuk aliran tunai. Wang masuk ke dalam poket anda dan bukannya wang keluar dari poket anda. Kefahaman tentang arah aliran tunai ini adalah amat penting untuk memastikan wang bekerja untuk kita. Minda seseorang pelabur akan memastikan wang bekerja untuk mereka, minda seorang usahawan pula memastikan orang bekerja untuk mereka di samping menggunakan wang orang lain untuk bekerja untuk mereka dan akhirnya mereka juga akan menjadi pelabur dengan menjadikan modal mereka bekerja untuk mereka.

Di sini kita masih perlu untuk memberikan komitmen yang berterusan untuk bekerja cuma kita juga perlu memaksa wang untuk bekerja untuk kita dengan memberikan aliran tunai positif. Bagaimanakah untuk mengenal pasti aliran tunai tersebut? Kita perlu mempelajari bagaimana pelaburan


itu boleh memberikan aliran tunai. Ini adalah kerana ada pelaburan yang tidak memberikan aliran tunai kerana ia memberikan keuntungan ke atas modal sahaja. Ada juga pelaburan yang membawa kerugian daripada segi aliran tunai atau penyusutan modal.

Sebagai contohnya, jika kita berhasrat untuk menjadi pelabur hartanah, ada perbezaan sama ada sesebuah pelaburan hartanah itu akan memberikan aliran tunai atau keuntungan atas modal. Jika kita membeli sebuah tanah, dan menyimpannya dengan harapan mengharapkan harganya akan

### Pemilihan Jenis Dana

Pilih Berasaskan:

- Toleransi Risiko
- Objektif
- Tempoh Pelaburan



## CELIKMUAMALAH



▲ meningkat pada masa akan datang, adakah ia akan memberikan pulangan? Sudah tentu jika lokasi yang dipilih ialah lokasi yang amat strategik di mana pembangunan masa depan akan dijalankan, kita berkemungkinan akan memperoleh keuntungan atas modal yang kita telah tanam. Jika harganya meningkat dari RM1 juta kepada 2 juta, secara matematikanya, kita sudah memperoleh keuntungan kasar sebelum cukai sebanyak RM1 juta. Walau bagaimanapun, kita perlu menunggu untuk beberapa ketika malah bertahun untuk mendapatkan keuntungan tersebut.

**DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI**

Ialah Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Felo Penyelidik, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) Universiti Sains Islam Malaysia

Apabila aliran tunai adalah positif maka kita telah memperoleh aliran tunai tambahan pada setiap bulan yang boleh disimpan sama ada untuk menjadi modal pelaburan seterusnya atau menjadi kegunaan sendiri.

Dalam pasaran saham juga kita perlu memahami tentang konsep ini, iaitu pulangan

ke atas pelaburan boleh datang dalam dua bentuk iaitu pulangan atas modal atau pulangan dividen. Tidak semua saham yang tersenarai akan memberikan pulangan dividen, ia bergantung kepada polisi pembahagian dividen sesebuah syarikat. Kemampuan sesebuah syarikat untuk memberi dividen pula bergantung sama ada syarikat tersebut mendapat keuntungan atau tidak.

Secara logiknya, sesebuah syarikat yang tidak membuat keuntungan, tidak dapat memberikan dividen kepada pelabur.

Jika mana-mana syarikat yang tidak memberikan dividen, para pelabur hanya akan bergantung kepada jangkaan bahawa nilai syarikat tersebut pada masa akan datang akan lebih tinggi daripada nilai semasa untuk mendapat pulangan atas modal yang telah dilaburkan. Justeru itu, dalam bab pulangan sahaja kita perlu mendapatkan pendidikan bagaimana wang boleh bekerja untuk kita. Ini termasuk juga bab risiko, risiko juga perlu kita pelajari, kerana sesuatu pelaburan itu berisiko dan perlu difahami. Jika kita tidak memahami risiko yang ada, kemungkinan pelaburan kita tidak akan memberikan pulangan yang kita harapkan. Dalam siri yang akan datang, saya akan mengupas bab risiko dalam pelaburan.

BERSAMBUNG SIRI 20

“ALAH, kita b  
“Tak baik t  
daging saudara  
“Kau puasa  
Pernah lal

Jom Kenali A  
Daripada A

بِقَا يَكْرَهُ

Maknanya  
Para sahabat b  
mengetahuiny  
saudaramu yan

Manakala,  
menyebutkan

“Kamu me  
sama ada perk  
agama, dunia,  
khadam, hamb  
senyuman, ma  
dengan diriny  
isyarat mata.

me  
yang

Al  
yang  
denga

■ M  
■ M  
■ M  
■ M  
■ M  
■ M  
■ M  
■ M